

29/07/2000

Kerajaan mahu tebusan selamat

Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, usaha pembebasan baki tebusan Malaysia yang masih ditahan kumpulan penculik di Jolo, Filipina selatan, dilakukan dengan penuh kesabaran.

Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu rundingan dijalankan dengan baik tanpa menimbulkan kejutan kepada orang ramai yang akhirnya boleh menjejaskan keselamatan tebusan, termasuk tebusan asing yang masih ditahan kumpulan itu.

"Kita perlu mempunyai sedikit kesabaran (dalam rundingan pembebasan) kerana ia lebih baik daripada tergesa-gesa yang mungkin menimbulkan banyak masalah.

"Walaupun saya sedikit kecewa dengan perkembangan pembebasan tebusan, kita sudah berusaha sebaik mungkin membebaskan mereka. Kita patut bersyukur kerana kita sudah berjaya membebaskan sebahagian tebusan Malaysia dan berharap yang lain akan dibebaskan dengan selamat," katanya pada sidang akhbar di akhir lawatan rasmi tiga hari ke Sabah, di sini hari ini.

Dr Mahathir juga melahirkan keyakinan bahawa krisis tebusan yang kini sudah berlanjutan lebih tiga bulan itu, akhirnya akan selesai secara aman.

"Saya berpendapat begitu... ia patut (diselesaikan secara aman) dan bila saya tanya tebusan berkenaan, mereka menyatakan bahawa mereka tidak dilayan dengan buruk.

"Ia tidak seperti kes di Perak (membabitkan kumpulan Al-Ma'unah)... mereka (tebusan Sipadan) tidak diseksa atau diapa-apakan seperti itu, cuma mereka ada kena cirit-birit oleh kerana makanan yang mereka makan," katanya.

Daripada 21 orang yang dijadikan tebusan oleh kumpulan penculik dari Pulau Sipadan, Sabah, pada 23 April, enam rakyat Malaysia dan seorang wanita Jerman, Renate Wallert, 56, sudah dibebaskan.

Rakyat Malaysia itu ialah renjer Jabatan Hidupan Liar Sabah, Zulkarnain Hashim, 29; Francis Masangkim, 34, dan seorang lagi kakitangan jabatan itu, Baln Krishnan Nair, 34; anggota polis, Abdul Jawah Salawat, 39; juruselam Vincent Kwong, 40, dan pembantu tukang masak, Lee Hock Leong, 20.

Malam tadi, Dr Mahathir dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, berjumpa enam tebusan yang dibebaskan itu dan keluarga mereka serta keluarga tiga lagi rakyat Malaysia yang masih ditawan di Pulau Jolo.

Rakyat Malaysia yang masih ditawan ialah juruselam Fong Yin Ken, 28, renjer Jabatan Hidupan Liar Sabah, Basilius Jim, 28 dan tukang masak, Kua Yu Loong, 21, manakala rakyat asing terdiri dua warga Jerman, dua Afrika Selatan, dua Filipina, dua Perancis dan seorang Lubnan.

Perdana Menteri juga berkata, peningkatan kegiatan militan Islam di rantau ini disebabkan wujudnya rasa kecewa (akibat dipinggirkan), manakala yang lainnya bertindak secara menyeleweng seperti dalam kes kumpulan Al-Ma'unah.

"Kita mahu tunjukkan kepada dunia, cara terbaik bagi membantu penduduk Islam ialah dengan membangunkan negara mereka supaya dapat bersaing dengan negara lain di dunia.

"Ini kita tunjukkan di Malaysia dengan mendidik masyarakat Islam supaya setaraf masyarakat bukan Islam dalam kekayaan dan ilmu pengetahuan. Masyarakat Islam akan dihormati kerana tidak lagi dipandang ganas, ini akan mempengaruhi masyarakat lain supaya tidak menindas masyarakat Islam

seperti yang berlaku di sesetengah tempat di dunia (yang menggalakkan kegiatan militan)," katanya.

(END)